

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN JUGAH ANAK MUYANG
@ TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : **11 NOVEMBER 2019 [ISNIN]**

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah perancangan untuk membina Balai Bomba di kawasan P.203 Lubok Antu memandangkan kerap kali berlakunya kebakaran rumah panjang khususnya dan balai bomba juga agak jauh dari daerah yang terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum terhadap keperluan balai bomba di kawasan Lubok Antu, Sarawak. Pada masa ini, kawasan Lubok Antu mendapat perlindungan kebakaran dari Balai Bomba dan Penyelamat Sri Aman dan Betong dengan jarak 80 kilometer.
2. Khidmat kebombaannya di kawasan tersebut juga dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Lubok Antu dengan kekuatan 41 anggota dan sebuah kenderaan bomba sukarela Proton Arena yang dilengkapi dengan pam angkut. Turut memberi sokongan kepada PBS Lubok Antu adalah PBS Engkelili dengan kekuatan 15 orang pada jarak 30 kilometer.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT telah mengenal pasti tapak yang bersesuaian bagi tujuan pembinaan balai bomba dan proses perolehan tanah dijangka akan dapat diselesaikan pada tahun 2020. Sehubungan itu, KPKT akan memohon projek balai bomba di parlimen Lubok Antu untuk dimasukkan dalam RMKe-12 Tahun 2021.

Sekian, terima kasih.